



Rujukan Kami: JUPEM 18/7/2.15 Jld.1 (15)

Tarikh: 19 April 2012

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

Semua Pengarah Ukur Seksyen

Semua Pengarah Seksyen

**PEKELILING KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BILANGAN 2 TAHUN 2012**

ON SITE TENDER CLARIFICATION / BENCHMARK

1. TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan selari dengan *Standard Operating Prosedur* (SOP) bagi *On Site Tender Clarification (OSTC) / Benchmark (BM)* sebagai panduan kepada Urus Setia Jawatankuasa Penilaian Teknikal Tender Perolehan ICT (JPTTS ICT) dan Non ICT (JPTTS Non ICT), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dalam melaksanakan *On Site Tender Clarification (OSTC) / Benchmark (BM)* bagi perolehan-perolehan secara Tender di JUPEM.

2. LATAR BELAKANG

Secara umumnya, JUPEM merupakan sebuah jabatan teknikal di Malaysia yang mempunyai kepakaran di dalam bidang ukur dan pemetaan serta merupakan pusat rujukan berkaitan data geospatial negara.

Namun begitu, faktor jumlah tenaga pakar dan keupayaan tenaga kerja yang terhad serta pertambahan fungsi di Jabatan telah menyebabkan terdapat perkhidmatan melibatkan unsur-unsur ukur dan pemetaan dilaksanakan secara perolehan Tender terbuka.

Sebagai langkah untuk memastikan ‘*value for money*’, satu penilaian tambahan melalui OSTC/BM diwujudkan, bagi tujuan mendapatkan penjelasan lanjut berkaitan cadangan-cadangan teknikal Tender yang dikemukakan oleh Petender, di samping mengenal pasti maklumat tambahan lain yang relevan kepada Tender sebagaimana yang dinyatakan di dalam Dokumen Tender.

Menerusi OSTC/BM, penilaian teknikal terhadap Petender mampu menjadi lebih tepat di mana Petender yang diakui berpotensi serta berkemampuan khususnya daripada aspek kepakaran, keupayaan dan pengalaman seumpamanya lebih mudah dikenal pasti di samping pematuhan spesifikasi teknikal minimum yang dicadangkan oleh Petender melalui Dokumen Cadangan Teknikal.

3. OBJEKTIF ON SITE TENDER CLARIFICATION / BENCHMARK

Di antara objektif OSTC/BM adalah seperti berikut:

- i. Memastikan Petender yang dilantik mempunyai kefahaman yang tinggi terhadap perkhidmatan yang dikehendaki dan dicadangkan;
- ii. Memastikan Petender yang dilantik mempunyai kepakaran dan pengetahuan di dalam mana-mana cabang bidang ukur dan pemetaan yang berkaitan dengan perkhidmatan;
- iii. Memastikan Petender yang dilantik mempunyai keupayaan dari aspek tenaga kerja dan ruang kerja yang sepadan dengan cadangan yang dikemukakan; dan

iv. Memastikan Petender yang dilantik mempunyai pengalaman dalam bidang yang berkaitan dan dapat menyokong perkhidmatan yang dicadangkan.

4. PEMAKAIAN

Pemakaian pekeliling ini adalah tertakluk kepada kriteria-kriteria berikut:

- i. Perolehan adalah secara Tender Terbuka;
- ii. Perkhidmatan yang dikehendaki dan dicadangkan melibatkan kepakaran dan kefahaman yang tinggi Petender terhadap cabang bidang ukur dan pemetaan; atau
- iii. Perolehan perbekalan melibatkan aset ukur berteknologi baru dan masih belum digunakan di JUPEM.

5. SKOP ON SITE TENDER CLARIFICATION (OSTC) / BENCHMARK (BM)

Skop bagi pelaksanaan OSTC/BM hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut:

5.1 Dokumen Tender

- i. Kenyataan pelaksanaan OSTC/BM ini hendaklah dinyatakan dengan jelas di dalam Dokumen Tender; dan
- ii. Dimaklumkan secara lisan pada tarikh Taklimat Tender yang ditetapkan. Pihak pengguna JUPEM hendaklah memastikan kedatangan Petender pada sesi Taklimat Tender didokumentan.

5.2 Kriteria Penilaian

Urus setia hendaklah mengenal pasti kriteria penilaian OSTC/BM yang akan dibuat dan tidak terhad kepada perkara berikut:

- i. Profil Syarikat;
- ii. Kekuatan tenaga kerja Petender di bidang ukur dan pemetaan;
- iii. Pelan Lantai premis pejabat Petender atau dicadangkan;
- iv. Lawatan tapak premis Pejabat Petender jika berkaitan;
- v. Penjelasan perkhidmatan ukur dan pemetaan yang dicadangkan;
- vi. Prototaip aplikasi yang dicadangkan jika berkaitan;
- vii. Sampel perkakasan yang dicadang untuk dibekalkan jika berkaitan;
- viii. Pengalaman perkhidmatan seumpama Petender dan
- ix. Lain-lain maklumat berkaitan.

5.3 Hebahan Pelaksanaan OSTC/BM

Pelaksanaan OSTC/BM hendaklah dimaklumkan secara rasmi kepada semua Petender seperti berikut:

- i. Urus Setia JPTTS ICT atau JPTTS Non ICT hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Urus Setia Jawatankuasa Perolehan JUPEM senarai Petender yang telah ditetapkan untuk OSTC/BM;
- ii. Senarai Petender tersebut hendaklah didokumenkan dan dinyatakan dengan jelas di dalam Laporan Penilaian Teknikal;
- iii. Urus Setia Jawatankuasa Perolehan JUPEM hendaklah melaksanakan hebahan kepada Petender yang disenarai pendek

- sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar sebelum tarikh OSTC/BM dibuat ke atas Petender yang pertama;
- iv. Kaedah penyampaian makluman OSTC/BM oleh Urus Setia Jawatankuasa Perolehan JUPEM hendaklah dilaksanakan menggunakan salah satu kaedah berikut:
 - a. Melalui pos dengan senarai Petender ditunjukkan dalam satu lampiran yang sama;
 - b. Melalui faks dengan senarai Petender ditunjukkan dalam satu lampiran yang sama;
 - c. Melalui e-mel dengan senarai e-mel Petender ditunjukkan secara umum; atau
 - d. Melalui laman web utama JUPEM dengan senarai Petender ditunjukkan secara umum. Hebahan hendaklah diwujudkan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar di laman web JUPEM.
 - v. Urus Setia Jawatankuasa Perolehan JUPEM hendaklah memastikan Petender memperakukan penerimaan hebahan pelaksanaan OSTC/BM dan bersetuju dengan tarikh yang dicadangkan sama ada menggunakan kaedah pos, faks atau e-mel. Maklumat tambahan yang relevan kepada pelaksanaan OSTC/BM hendaklah dipastikan dibekalkan oleh Petender sebelum tarikh sebenar pelaksanaan OSTC/BM;
 - vi. Jika tiada maklumbalas diterima daripada Petender dalam tempoh tiga (3) hari daripada tarikh hebahan, ulangan kaedah hebahan seperti di 7.3 (iv) (a) – (c) hendaklah dilaksanakan seperti contoh berikut:
 - a. Tarikh pelaksanaan OSTC/BM: 9 Januari 2012
 - b. Tarikh hebahan pertama: 2 Januari 2012
 - c. Ulangan hebahan pertama: 5 Januari 2012
 - d. Ulangan hebahan kedua: 8 Januari 2012,

- vii. Jika masih tiada maklumbalas diterima selepas ulangan hebahan kedua, Petender hendaklah dianggap tidak berminat untuk dinilai dari aspek OSTC/BM;
- viii. Jika ada kemosyikilan berkaitan OSTC/BM oleh Petender, kaedah komunikasi secara e-mel adalah digalakkan; dan
- ix. Urus Setia Jawatankuasa Perolehan JUPEM hendaklah menjawab permasalahan tersebut menggunakan kaedah komunikasi secara e-mel dengan segera.

5.4 Ahli Pelaksana OSTC/BM

Keanggotaan Ahli Pelaksana OSTC/BM hendaklah terdiri daripada pegawai yang telah dilantik oleh Pengerusi JPTTS ICT atau JPTTS Non ICT, JUPEM sahaja.

5.5 Tanggung jawab Ahli Pelaksana OSTC/BM

- i. Ahli Pelaksana OSTC/BM hendaklah mengamalkan ciri penjawat awam berkualiti dan menekan aspek keunggulan peribadi serta profesionalisme semasa proses OSTC/BM dilaksanakan; dan
- ii. Ahli Pelaksana OSTC/BM hendaklah bersikap berkecuali dan bebas daripada pengaruh luar semasa melaksanakan OSTC/BM.

5.6 Pelaksanaan OSTC/BM

- i. Pelaksanaan OSTC/BM hendaklah dikendalikan oleh Ahli Pelaksana OSTC/BM sahaja;
- ii. Penetapan tarikh OSTC/BM hendaklah diadakan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalender daripada tarikh hebahan pertama dibuat kepada Petender. Sebarang pindaan tarikh adalah tidak dibenarkan kecuali permohonan penangguhan daripada Petender telah mendapat kelulusan bertulis daripada Pengerusi JPTTS ICT

- atau JPTTS Non ICT, JUPEM. Tempoh penangguhan maksimum yang dipertimbangkan ialah tujuh (7) hari kalender daripada tarikh yang dijadualkan dan disertakan justifikasi yang kukuh;
- iii. Pelaksanaan OSTC/BM digalakkan dibuat di premis pejabat Petender;
 - iv. Waktu pelaksanaan OSTC/BM hendaklah pada waktu bekerja rasmi sahaja. Jika sebaliknya, kelulusan daripada Pengerusi JPTTS ICT atau JPTTS Non ICT adalah diperlukan termasuk justifikasi yang berkaitan;
 - v. Tempoh maksimum pelaksanaan OSTC/BM terhadap setiap Petender adalah satu (1) hari atau lapan (8) jam sahaja;
 - vi. Bagi tujuan mendapatkan makluman dan penjelasan lanjut semasa OSTC/BM perkara-perkara berikut adalah digalakkan:
 - a. Siasatan awal latar belakang syarikat;
 - b. Temu bual;
 - c. Sesi soal jawab;
 - d. Tinjauan dan pemerhatian;
 - e. Edaran bacaan jika berkaitan; dan
 - f. Demonstrasi jika berkaitan.

5.7 Proses OSTC/BM

Proses OSTC/BM adalah sebagaimana Carta Alir 1 dan Carta Alir 2 di **Lampiran A** dan **Lampiran B**.

5.8 Skema Pemarkahan OSTC/BM

Skema pemarkahan hendaklah disediakan dan diluluskan terlebih dahulu oleh Pengerusi JPTTS ICT atau JPTTS Non ICT, JUPEM sebelum OSTC/BM dilaksanakan.

- i. Skema pemarkahan hendaklah merangkumi Kriteria Penilaian yang ditetapkan; dan
- ii. Jumlah markah maksimum yang ditetapkan untuk OSTC/BM adalah **10%** daripada markah keseluruhan penilaian teknikal.

5.9 Laporan OSTC/BM


- i. Penemuan perincian bagi OSTC/BM hendaklah didokumenkan dan dibentangkan di dalam Laporan Penilaian Teknikal ICT dan Non ICT, JUPEM; dan
- ii. Laporan OSTC/BM digalakkan di dalam bentuk laporan bergambar.

6. TARIKH BERKUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan dan hendaklah dibaca bersekali dengan pekeliling berkaitan pengurusan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK PROF.SR DR. ABDUL KADIR BIN TAIB)

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia

Salinan Kepada:

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I


Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II

Pengarah Ukur Bahagian Kadaster

Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan


Pengarah Bahagian Geospatial Pertahanan

ALIRAN PROSES ON SITE TENDER CLARIFICATION (OSTC) / BENCHMARK (BM)



Carta Alir 1: Proses On Site Tender Clarification (OSTC) / Benchmark (BM) dalam proses perolehan Kerajaan

Lampiran 'B'



Carta Alir 2: Proses Kerja On Site Tender Clarification (OSTC) / Benchmark (BM)

SINGKATAN

- i. *Standard Operating Procedure* : SOP
- ii. Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia : JUPEM
- iii. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar : NRE
- iv. *On Site Tender Clarification*: OSTC
- v. *Benchmark*: BM
- vi. Jawatankuasa Penilaian Teknikal Tender / Sebut Harga Perolehan ICT: JPTTS ICT
- vii. Jawatankuasa Penilaian Teknikal Tender / Sebut Harga Perolehan Non ICT: JPTTS Non ICT
- viii. Jawatankuasa Perolehan JUPEM : JP JUPEM